

PROJEK PEMBANGUNAN PERUMAHAN BAHARU B40

Perlu bina blok rumah MADANI

Kuala Lumpur: Kerajaan mengarahkan Jabatan Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyediakan blok rumah MADANI di ibu negara bagi setiap projek pembangunan perumahan baharu untuk golongan B40 dan M40 sebagai syarat bagi permohonan kelulusan dipercepatkan.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan boleh mempercepatkan proses kelulusan pembangunan perumahan itu namun ia perlu dibangunkan bersama dengan sekurang-kurangnya satu atau dua blok rumah MADANI.

Beliau berkata, arahan itu susulan permintaan untuk membeli kediaman di sekitar ibu kota sangat tinggi sehingga mencecah puluhan ribu permohonan.

“Setiap perumahan baharu, saya arahkan Jabatan Wilayah Persekutuan dan dewan bandaraya (DBKL) jika ada tanah, kami beri kelulusan dan boleh bagi kelonggaran dan percepatkannya.

“Tetapi, syaratnya mesti ada satu atau dua blok rumah MADANI untuk rakyat manfaatkannya,” katanya ketika berucap peluncuran Perumahan Penjawat Awam Malaysia MADANI (PPAM MADANI) di Peksel City Central, di sini, semalam.

Dalam majlis berkenaan, Perdana Menteri turut menyempurnakan penyerahan surat tawaran dan kunci rumah kepada 10 orang pembeli PPAM.



Setiap perumahan baharu, saya arahkan Jabatan Wilayah Persekutuan dan dewan bandaraya (DBKL) jika ada tanah, kita boleh bagi kelonggaran dan percepatkannya”

Anwar

Seramai 843 penjawat awam ditawarkan untuk memiliki unit perumahan di Peksel City Sentral, Nikka City Sentral dan Amansuri.

Program PPAM MADANI adalah program perumahan mampu milik khas untuk penjawat awam terutamanya yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah berkualiti di lokasi strategik khususnya di bandar bandar utama dengan harga lebih rendah dari pasaran.

Pembangunan projek PPAM MADANI dilaksanakan melalui kerjasama strategik antara kerajaan dengan pemaju perumahan swasta di atas tanah persendirian atau tanah milik Kerajaan Persekutuan iaitu Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), kerajaan menyasar penyediaan 500,000 unit rumah mampu milik, termasuk penyediaan 28,000 perumahan khusus untuk penjawat awam.